

**DAPATAN AWAL MENGENAI PRAKTIS WAKAF AHLI DI 5 BUAH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI (MAIN) DI MALAYSIA: KAJIAN DARI ASPEK BENEFISIARI WAKAF*****PRELIMINARY FINDINGS ON THE PRACTICE OF WAQF AHLI IN 5 STATE ISLAMIC RELIGIOUS COUNCILS (SIRCS) IN MALAYSIA: A STUDY FROM THE ASPECTS OF WAQF BENEFICIARIES***Sakinah Binti Abdul Samad<sup>1</sup>, Ahmad Sufian Bin Che Abdullah<sup>2</sup>, Kamaruzam Bin Noordin<sup>3\*</sup><sup>1</sup> Calon PhD, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, sakinahabdulsamad94@gmail.com.<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, sufyan@um.edu.my.<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, zamann@um.edu.my.

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 1 Jun 2022

Selepas Pembetulan: 1 Ogos 2022

Diterima untuk terbit: 20 Ogos 2022

**Abstrak**

Wakaf Ahli pernah memainkan peranan signifikan dalam pembangunan ummah satu ketika dahulu. Di Malaysia, walaupun praktis Wakaf Ahli tidak begitu popular, namun terdapat rekod yang menunjukkan kewujudan pengamalan Wakaf Ahli dikalangan masyarakat. Namun begitu, praktis Wakaf Ahli dilihat tidak begitu digalakkan atas faktor kesulitan dalam pengurusannya. Oleh itu, kajian ini mencadangkan solusi reka bentuk pelaksanaan Wakaf Ahli dari aspek benefisiari wakaf. Bagi mencapai objektif ini, kajian ini telah menggunakan metodologi analisis dokumen dan temubual terhadap 5 buah MAIN terpilih. Pada fasa pertama, analisis dokumen dilakukan terhadap kitab Fiqh bagi mendapatkan pandangan Fuqaha Muslim terhadap benefisiari Wakaf Ahli. Manakala pada fasa kedua, temubual dilakukan terhadap 5 buah MAIN terpilih iaitu MAIN Kelantan, Pulau Pinang, Terengganu, Perak dan Johor bagi mengetahui praktis semasa Wakaf Ahli di negeri-negeri berkenaan. Data yang diperolehi telah dianalisis secara tematik dan secara perbandingan dengan bantuan perisian Atlasti.8. Hasil kajian mendapati benefisiari Wakaf Ahli perlu ditetapkan sejak awal penciptaannya yang merangkumi limitasi benefisiari keluarga dan benefisiari akhir wakaf.

**Kata kunci**

Wakaf Ahli, benefisiari wakaf, reka bentuk, pengurusan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

**Abstract**

*Waqf Ahli once played a significant role in the development of the civilization. In Malaysia, although the practice of Waqf Ahli is not very popular, however, there are few records that show the practice of Waqf Ahli among the community. However, the practice of Waqf Ahli is seen as not being encouraged due to the difficulty in its management. Therefore, this study proposes a solution from the aspect of waqf beneficiaries. In order to achieve this objective, this study has used the methodology of document analysis and interviews with 5 selected State Islamic Religious Councils (SIRCS). In the first phase, document analysis were made toward the book of Fiqh to obtain the views of Muslim scholars on the beneficiaries of Waqf Ahli. While in the second phase, interviews were conducted with 5 selected SIRCS namely SIRC in Kelantan, Penang, Terengganu, Perak and*

*Johor to identified the current practice of Waqf Ahli in the respective states. The data obtained was analyzed thematically and comparatively with the assist of Atlasti software version. 8. The finding of the study found that the beneficiaries of Waqf Ahli need to be set from the beginning of its creation, which includes the limitations of family beneficiaries and ultimate beneficiaries of waqf.*

### Keywords

*Waqf Ahli, waqf beneficiaries, design, management, State Islamic Religious Councils (SIRCs)*

---

## 1.0 Pengenalan

Wakaf Ahli merupakan sejenis wakaf yang ditujukan manfaatnya untuk kebajikan ahli keluarga dan merupakan salah satu instrumen penting bagi menjaga warisan harta keluarga. Kepentingan meninggalkan ahli keluarga dalam keadaan yang stabil telah disarankan oleh al-Quran dalam pelbagai cara yang merangkumi faraid, wasiat dan wakaf (Asiah 2018)<sup>1</sup>. Nabi Muhammad saw juga telah menggalakkan amalan wakaf dilakukan terutama bagi tujuan kebajikan dan kelangsungan keluarga sehingga menyatakan bahawa sedekah kepada ahli keluarga dilihat lebih baik berbanding memberi sedekah kepada pengemis (Abdel Mohsin 2010)<sup>2</sup>. Di samping itu, sejarah juga telah membuktikan bahawa praktis wakaf umum yang berlaku pada hari ini adalah berakar umbikan daripada pengamalan Wakaf Ahli pada satu ketika dahulu (Asiah 2018)<sup>3</sup>.

Di Malaysia, praktis Wakaf Ahli dilihat tidak begitu popular di kalangan masyarakat. Walaupun begitu, amalan Wakaf Ahli tidaklah dihapuskan dan dianggap batal seperti yang berlaku di negara lain seperti di Mesir, Sudan, Tunisia dan Syria (Abdel Mohsin 2010)<sup>4</sup>. Oleh yang demikian, terdapat beberapa rekod yang menunjukkan pengamalan Wakaf Ahli di beberapa buah negeri di Malaysia. Namun begitu, pencapaian Wakaf Ahli dilihat tidak begitu memberangsangkan disebabkan faktor kesulitan dalam menguruskan Wakaf Ahli ini. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kesulitan pengurusan Wakaf Ahli adalah benefisiari ahli keluarga yang tidak ditentukan dengan baik diawal penciptaan wakaf, kesukaran dalam mengenalpasti keturunan keluarga yang kian bertambah dan sifatnya yang eksklusif hanya untuk keluarga. Oleh itu, objektif kajian ini akan menjawab permasalahan ini dan implikasinya akan memberi sumbangan kepada pihak yang terlibat seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pihak keluarga.

---

<sup>1</sup> Mohamad Nor Asiah, "A Study on the Socio-Economic Roles of Waqf Ahli ( Family Waqf ) in Promoting Family Security and a Sustainable Family Economy," *IIUM Law Journal* 26, no. 1 (2018): 141–60.

<sup>2</sup> Abdel Mohsin, "Revitalization of Waqf Administration and Family Waqf Law", *US-China Law Review* 2010, 57-64.

<sup>3</sup> Mohamad Nor Asiah, "Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf Di Malaysia: Adakah Komprehensif?," *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 30, no. 2 (2018): 362–82.

<sup>4</sup> Abdel Mohsin, "Revitalization of Waqf Administration and Family Waqf Law."

## 2.0 Wakaf Ahli Menurut Perspektif Syariah

Wakaf Ahli didefinisikan sebagai wakaf yang ditujukan sama ada kepada individu atau golongan tertentu atau ditujukan kepada ahli keluarga atau kesemua mereka, dan selepas kematian mereka, wakaf bertukar sebagai wakaf umum. Majoriti ulama Muslim termasuk Mazhab Syafie (as-Syairazi 1996)<sup>5</sup>, Hanafi, Hanbali (Ibn Qadamah 1986)<sup>6</sup> dan Maliki (al-Qarafi 1994)<sup>7</sup> telah bersetuju terhadap kesahan praktis Wakaf Ahli. Pandangan ini turut disokong oleh ulama Muslim di Mesir seperti Syeikh Muhammad Bakhit al-Mutii', Syeikh Abdul Rahman Qara'ah, Muhammad Husnin al-A'dawi dan Syeikh Muhammad Syakir(Uthman Thabir 2002)<sup>8</sup> yang menyokong amalan Wakaf Ahli diteruskan. Pada hakikatnya, Wakaf Ahli telah lama dipraktikkan sejak zaman Nabi Muhammad saw lagi. Berikut merupakan dalil-dalil pengamalan Wakaf Ahli.

Allah swt berfirman:

لن تتألو البر حتى تنفقوا مما تحبون وما تنفقوا من شيء فإن الله به عليم

Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai. Dan apa yang kamu infakkan, tentang hal itu sungguh, Allah maha Mengetahui. (Al-Imran 3:92)

Diriwayatkan oleh Anas ra:

Apabila ayat al-Quran yang berbunyi, "Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai" diturunkan, Abu Talhah datang kepada Nabi Muhammad saw dan berkata, "Wahai Rasulullah, Allah berfirman dalam kitabNya yang berbunyi, "Kamu tidak akan memperoleh kebajikan, sebelum kamu menginfakkan sebahagian harta yang kamu cintai...", dan harta yang paling aku sayangi adalah Bairuha'. Oleh itu, aku serahkan tanah Bairuha' ini untuk Allah dan Rasulullah supaya aku memperoleh ganjaran pahala dari Allah swt di akhirat kelak. Jadi gunakanlah ianya wahai Rasulullah seperti mana yang Allah sarankan. Kemudian Rasulullah saw bersabda, "Tahniah Abu Talhah. Kami telah menerima pemberianmu dan kini kami mengembalikannya kepadamu untuk diagihkan hasilnya kepada saudara maramu". Selepas itu, Abu Talhah mengagihkan hasil daripada tanah Bairuha' itu kepada saudara maranya, antara mereka ialah Ubai dan Hssan. (Sahih al-Bukhari 2758)

Maksud hadis: Tindakan Abu Talhah yang mengagihkan hasil dari Bairuha' kepada saudara-maranya menunjukkan kepada kebolehan dan kesahan Wakaf Ahli. Sekiranya wakaf kepada ahli keluarga tidak sah, sudah tentu Rasulullah saw melarang Tindakan Abu Talhah

<sup>5</sup> Abi Ishak as-Syairazi, "al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam as-Shafie", Damsyik, Darul Qalam, First Edition, 1996, Vol. 3, 684.

<sup>6</sup> Abi Muhammad Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi, "al-Mughni", Riyadh, Saudi Arabia, Darul A'lim al-Kutub, First Edition, 1986, Vol. 8, 192.

<sup>7</sup> Shihabuddin Ahmad Bin Idris al-Qarafi, "az-Zakhirah", Beirut, First Edition, 1994, Darul Ghrab al-Islami, Vol. 6, 325.

<sup>8</sup> Muhammad U'sman Thabir, "as-Syeikh Ali al-Khafif, al-Faqih al-Mujaddid", Damsyik; Darul Qalam, First Edition, 2002, 85.

berkenaan. Oleh itu, wakaf adalah sah jika ditujukan kepada ahli keluarga sama ada mereka kaya atau miskin dan sama ada mereka adalah waris atau bukan waris. Keadaan ini juga membuktikan bahawa wakaf kepada waris adalah lebih utama disebabkan hubungan mereka lebih rapat kepada waqif<sup>9</sup>

Diriwayatkan Sa'ad Bin Malik, Nabi Muhammad saw bersabda, "adalah lebih baik kamu meninggalkan anak-anak dalam keadaan mereka berharta berbanding dalam keadaan miskin dan meminta-minta kepada orang lain". (Sahih al-Bukhari 3936)

Makna hadis: Wakaf adalah satu kebajikan sukarela yang dilakukan bertujuan untuk meringankan beban fakir miskin. Oleh itu, wakaf lebih lagi perlu digunakan untuk memastikan kelangsungan hidup keluarga memandangkan ahli keluarga adalah sebahagian daripada masyarakat.

Di samping itu, Wakaf Ahli telah dipraktikkan oleh kebanyakan sahabat Nabi. Anantara mereka ialah Uthman Bin Affan yang mewakafkan hartanya di Khaibar untuk anaknya Aban Bin Uthman dengan meletakkan syarat bahawa wakaf tersebut tidak boleh dijual, diberi sebagai hadiah dan tidak boleh diwarisi (as-Syaibani 1999)<sup>10</sup> dan az-Zubair Bin al-Awwam juga mewakafkan rumah kepada anaknya (as-Syaibani 1999)<sup>11</sup>. Secara kesimpulan, wakaf adalah satu bentuk kebajikan dimana harta wakaf ditahan dan hanya manfaatnya diberikan kepada kebajikan yang merangkumi kebajikan umum dan kebajikan ahli keluarga. Hal ini adalah disebabkan ahli keluarga juga merupakan sebahagian daripada masyarakat umum (al-A'dawi 1351)<sup>12</sup>.

### 3.0 Pandangan Fuqaha Terhadap Benefisiari Wakaf Ahli

Wakaf mempunyai keistimewaan yang membezakannya dengan kebajikan lain iaitu ciri-cirinya yang berkekalan. Oleh itu, Fuqaha Muslim telah bersepakat bahawa wakaf perlu dilakukan secara berkekalan dan mampu memberi manfaat kepada benefisiari secara berterusan. Oleh yang demikian, Fuqaha Muslim mempunyai pandangan yang berbeza terhadap Wakaf Ahli berikutan ciri-ciri ahli keluarga sebagai satu kumpulan yang akan putus dan mati pada suatu masa seterusnya menghalang wakaf daripada berterusan memberi manfaat. Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji telah meneliti perbincangan pandangan Muslim Fuqaha seperti berikut.

Wakaf yang ditujukan untuk kebajikan benefisiari yang mempunyai ciri-ciri akan putus seperti keluarga dianggap sah oleh Mazhab Maliki, Abi Yusuf daripada Mazhab Hanafi, pandangan rajih daripada Mazhab Shafie (Shamsuddin 1347)<sup>13</sup> dan Mazhab Hanbali (al-

<sup>9</sup> Muhammad Abu Zahrah, "Muhadarat fi al-Waqf", Darul al-Fikr al-A'rabi, 212.

<sup>10</sup> Abi Bakr Ahmad Bin Amru as-Syaibani, "Ahkam al-Awqaf", Lubnan; Beirut, Darul Kutub al-Ilmiah, First Edition, 1999, 10-11.

<sup>11</sup> Abi Bakr Ahmad Bin Amru as-Syaibani, "Ahkam al-Awqaf", Lubnan; Beirut, Darul Kutub al-Ilmiah, First Edition, 1999, 12.

<sup>12</sup> Muhammad Husnain Makhluaf al-A'dawi, "Manhaj al-Yakin Fi Bayan annal Waqf al-Ahli Minaddin", Mustofa Libabi al-Habli Wa Auladudhu Bi Misr, 1351H, 15.

<sup>13</sup> Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi Abu Muhammad; Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Qadamah al-Muqaddasi Shamsuddin Abu

Kabisi 1977)<sup>14</sup>. Mazhab Maliki merupakan mazhab yang membenarkan wakaf sementara. Oleh yang demikian, Mazhab Maliki tidak menghalang wakaf ditujukan kepada benefisiari yang akan putus (al-Mardawi 1995)<sup>15</sup>. Menurut pandangan rajih daripada Mazhab Syafie, wakaf yang ditujukan kepada benefisiari yang akan putus adalah sah. Oleh itu, apabila benefisiari ini telah habis dan putus, maka wakaf akan kembali semula kepada pemilikan waris yang terdekat dengan pewakaf (as-Syairazi 1996, Shamsuddin 1347)<sup>16</sup>. Pandangan ini turut disokong oleh Mazhab Hanbali yang menyatakan bahawa wakaf untuk benefisiari yang akan putus adalah sah walaupun tanpa menyalurkan hasilnya kepada fakir miskin setelah kematian semua benefisiari. Menurut mazhab Hanbali, selepas kematian semua benefisiari, wakaf akan kembali kepada pemilikan keluarga si pewakaf (Ibn Qadamah 1986)<sup>17</sup>. Manakala, Abi Yusuf dalam kitab al-Mabsut ada menyatakan bahawa wakaf tetap sah dilakukan walaupun tanpa memenuhi ciri-ciri berkekalan dan seterusnya mengizinkan wakaf ditujukan kepada benefisiari yang bersifat akan putus (as-Sarakhsi)<sup>18</sup>.

Sebaliknya, Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad berpandangan bahawa wakaf yang ditujukan kepada benefisiari yang akan putus adalah tidak sah kecuali jika ianya ditujukan kepada fakir miskin selepas kematian benefisiari pertama berkenaan (al-Murghinani 1417, Abi Bakr 1322)<sup>19</sup>. Pandangan ini adalah disebabkan Mazhab Hanafi berpegang kepada ciri-ciri berkekalan yang perlu dipenuhi dalam setiap penciptaan wakaf. Sebagai contoh, sekiranya waqif menyatakkan bahawa harta ini ditahan untuk diwakafkan kepada golongan yang miskin dari kalangan keluarga atau untuk diwakafkan untuk ahli keluarga, maka wakaf dalam keadaan ini dilihat batal dan tidak sah. Keadaan ini berikutan ciri-ciri ahli keluarga sebagai benefisiari yang akan putus dan mati pada satu ketika masa seterusnya menghalang ciri-ciri berkekalan wakaf. Oleh itu, wakaf yang ditujukan kepada ahli keluarga dianggap sah hanya sekiranya wakaf berkenaan disalurkan kepada golongan fakir miskin selepas kematian semua ahli keluarga (Ibn A'bidin 2003)<sup>20</sup>. Pandangan ini turut disokong oleh riwayat kedua Mazhab Syafie yang menganggap wakaf untuk benefisiari yang akan putus adalah tidak sah disebabkan tidak memenuhi ciri-ciri berkekalan wakaf (al-mardawi

---

al-Farj, "al-Mughni Wa Yalihi as-Syarh al-Kabir", Matba'ah al-Manar Wa Maktabatiha, 1347M, Vol. 6, 214.

<sup>14</sup> Muhammad A'bid al-Kabisi, "Ahkam al-Waqf", Baghdad; Matba'ah al-Irsyad, 1997, 424.

<sup>15</sup> Muafiqiddin Abi Muhammd Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi, Shamsuddin Ibn Qadamah al-Muqaddasi and A'lauddin al-Mardawi, "al-Muqnie' Wa as-Syarhun Kabir Wal Insof", Darul Hajr, First Edition, 1995, Vol. 16, 408.

<sup>16</sup> Abi Ishak as-Shairazi, "al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam as-Shafie", Damshik, Darul Qalam, First Edition, 1996, Vol. 3, 677 and Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi Abu Muhammad; Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Qadamah al-Muqaddasi Shamsuddin Abu al-Farj, "al-Mughni Wa Yalihi as-Syarh al-Kabir", Matba'ah al-Manar Wa Maktabatiha, 1347M, Vol. 6, 215.

<sup>17</sup> Abi Muhammad Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah, "al-Mughni", Riyadh, Darul A'lim al-Kutub, First Edition, 1986, Vol. 8, 211.

<sup>18</sup> Shamsuddin as-Sarkhasi, "Kitab al-Mabsut", Lubnan; Beirut, Darul Ma'rifat, Vol. 12, 41.

<sup>19</sup> Burhanuddin Abi al-Hasan Ali Bin Abi Bakr al-Murghinani, "al-Hidayah, Syarhun Bidayat al-Mubtada", Pakistan, Idarah al-Quran Wal Ulum al-Islamiah, First Edition, 1417M, Vol. 4, 433. Abi Bakr Bin Ali Bin Muhammad al-Hadadi al-l'badi az-Zabidi al-Yamani al-Hanafi, "Jauharah an-Nirah", Matba'ah al-Khairiah, First Edition, 1322H, Vol. 1, 335.

<sup>20</sup> Muhammad Amin as-Syuhir Ibn A'bidin, "Roddul Mukhtar A'la ad-Dar al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar", Riyadh, Darul A'lim al-Kutub, Special Edition, 2003, Vol. 6, 537.

1995)<sup>21</sup>. Oleh itu, wakaf hanya dibenarkan dilakukan dalam 2 bentuk iaitu wakaf untuk benefisiari yang tidak akan putus seperti fakir miskin atau pelajar, dan wakaf untuk benefisiari yang akan putus kemudian disalurkan kepada benefisiari yang tidak putus sebagai contoh wakaf untuk individu tertentu kemudian disalurkan kepada fakir miskin (as-Syairazi 1996)<sup>22</sup>. Keadaan ini turut disokong oleh Imam Ahmad yang menyatakan, “wakaf untuk ahli keluarga perlu disalurkan kepada golongan fakir miskin selepas kematian semua benefisiari ahli keluarga” (Abdul Rahman 1347)<sup>23</sup>.

Selepas perbincangan ini, pengkaji berpendapat bahawa wakaf untuk benefisiari yang akan putus seperti ahli keluarga perlu dilakukan secara wakaf musytarak dan selepas kematian semua ahli keluarga, hasil wakaf disalurkan kepada fakir miskin seperti mana yang dinyatakan oleh Ibn Qadamah dalam kitab al-Mabsut (Abdul Rahman 1347)<sup>24</sup>. Pandangan ini juga selari dengan pendapat as-Syarbani yang meyhatakan bahawa wakaf sementara adalah sah sekiranya hasil wakaf disalurkan kepada benedfisiari lain selepas kematian semua benefisiari yang pertama. Sebagai contoh, “wakaf ini disalurkan kepada Zaid selama setahun dan selepas itu diberikan kepada fakir miskin” (as-Syarbani 1997)<sup>25</sup>.

Kesimpulan ini telah mengambil kira 3 aspek. Yang pertama adalah ciri-ciri ahli keluarga sebagai benefisiari sementara. Keadaan ini penting penting bagi menggalakkan ahli keluarga turut sertai dalam sektor pekerjaan yang seterusnya menyumbang kepada sektor ekonomi tanpa mengharapkan sepenuhnya kepada hasil wakaf semata-mata. Yang kedua adalah untuk menjaga kemaslahatan mauquf. Keadaan ini dapat diterangkan dengan gambaran bahawa Wakaf Ahli yang dilakukan secara selama-lamanya tanpa ditentukan benefisiari akhir akan menyulitkan pihak berkuasa untuk mengenalpasti ahli keluarga. Keadaan ini bertambah buruk apabila semua ahli keluarga telah mati seterusnya menyebabkan asset wakaf terbiar tanpa mampu disalurkan hasilnya kepada golongan lain. Manakala, sebab ketiga adalah untuk menjaga tujuan dan objektif wakaf sebagai sistem kewangan social Islam. Oleh itu, sebahagian hasil wakaf perlu disalurkan kepada kebajikan social umum walaupun sedikit. Atas sebab-sebab yang dinyatakan, pengakaji berpandangan bahawa wakaf untuk ahli keluarga adalah sah dan ianya perlu dilakukan secara wakaf musytarak dengan kebajikan umum yang lain dan benefisiari akhirnya perlu diberikan kepada kebajikan umum.

---

<sup>21</sup> Muafiqiddin Abi Muhammd Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi, Shamsuddin Ibn Qadamah al-Muqaddasi and A'lauddin al-Mardawi, “al-Muqnie' Wa as-Syarhun Kabir Wal Insof”, Darul Hajr, First Edition, 1995, Vol. 16, 408.

<sup>22</sup> Abi Ishak as-Syairazi, “al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam as-Shafie”, Damsyik, Darul Qalam, First Edition, 1996, Vol. 3, 676-677.

<sup>23</sup> Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi Abu Muhammad; Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Qadamah al-Muqaddasi Shamsuddin Abu al-Farj, “al-Mughni Wa Yalihi as-Syarh al-Kabir”, Matba'ah al-Manar Wa Maktabatiha, 1347M, Vol. 6, 211.

<sup>24</sup> Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi Abu Muhammad; Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Qadamah al-Muqaddasi Shamsuddin Abu al-Farj, “al-Mughni Wa Yalihi as-Syarh al-Kabir”, Matba'ah al-Manar Wa Maktabatiha, 1347M, Vol. 6, 216-217.

<sup>25</sup> Shamsuddin Muhammad Bin al-Khatib as-Syarbani, “Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani al-Faz al-Manhaj”, Lubnan; Beirut, Darul Ma'rifat, 1<sup>st</sup> Edition, 1997, Vol. 3, 494.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa Fuqaha Muslim bersetuju Wakaf Ahli dibuat secara sementara untuk benefisiari ahli keluarga sebelum disalurkan kepada fakir miskin selepas itu. Di samping itu, antara Fuqaha Muslim yang membenarkan dengan jelas wakaf dibuat secara sementara ialah mazhab Maliki, Abu Yusuf dari mazhab Hanafi, dan Ibn Sarij dari mazhab Syafie. Menurut mazhab Maliki, ciri-ciri berkekalan tidak dianggap sebagai keperluan penciptaan sesuatu wakaf. Oleh itu, wakaf boleh dibuat secara sementara menurut mazhab Maliki. Pendapat ini dapat dilihat dengan jelas melalui definisi wakaf yang dinyatakan oleh Ibn Abd Salam, “untuk memberikan manfaat daripada pemilikan seseorang (walaupun pemilikan itu secara sewaan) atau hasil pendapatan daripada pemilikan berkenaan kepada benefisiari mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh pewakif” (ad-Dardir 1119)<sup>26</sup> Sementara itu, Ibn A’rafah berpandangan bahawa wakaf boleh dibuat selagi mana harta wakaf itu wujud. Walaubagaimanapun, sekiranya wakaf dibuat tanpa dikhususkan golongan penerima manfaat wakaf, wakaf secara automatik akan menjadi terikat dan dibuat secara selama-lamanya dan hasil wakaf diagihkan mengikut adat kebiasaan sesebuah negara, kepada fakir miskin dan untuk tujuan kebajikan (al-A’dawi 1317)<sup>27</sup>.

Selain daripada itu, Abi Yusuf dari mazhab Hanafi juga antara Fuqaha Muslim yang membenarkan wakaf dibuat secara sementara. Beliau ada menyatakan, “sekiranya sesuatu harta dijadikan wakaf untuk individu tertentu atau untum beberapa tempoh tertentu, wakaf dianggap sah dan selepas itu hasil wakaf akan disalurkan kepada fakir miskin atau kembali kepada pemilikan pewakaf atau waris pewakaf (Ibn A’bidin 2003)<sup>28</sup>. Abi Yusuf pula berpandangan bahawa ciri-ciri berkekalan tidak dianggap sebagai rukun penciptaan wakaf, oleh itu wakaf dibenarkan dibuat kepada benefisiari yang akan putus. Walaubagaimanapun, pandangan ini berbeza dengan pandangan Imam Muhammad yang membenarkan wakaf dibuat kepada benefisiari yang akan putus dengan syarat ianya disalurkan kepada fakir miskin selepas benefisiari yang akan putus (as-Sarkhasi)<sup>29</sup>.

Bagi mazhab Shafie, terdapat satu riwayat daripada Abu al-A’bbas Bin Sarij membenarkan wakaf dibuat secara sementara. Sebagai contoh, wakaf dianggap sah sekiranya pewakaf menyatakan, “rumahku dijadikan sebagai wakaf untuk Zaid selama 1 tahun” (al-Mawardi 1994)<sup>30</sup>. Tambahan daripada itu, Muhammad Bin Hassan pula menyatakan bahawa sekiranya harta wakaf rosak, ianya akan kembali kepada pemilikan pewakaf. Hal ini adalah disebabkan ciri-ciri wakaf yang melepaskan hanya manfaatnya kepada kebajikan. Oleh itu, kelayakan benefisiari akan terhenti apabila harta wakaf rosak dan tidak mampu

---

<sup>26</sup> Al-A’lamah Abi al-Barkat Ahmad Bin Muhammad Bin Ahmad Ad-dardir, “As-syarhu As-soghir A’la Aqrab al-Masalik Ila Mazhab al-Imam Malik”, Kaherah, Darul al-Ma’arif, 1119, 98.

<sup>27</sup> Muhammad al-Kharshi Abu Abdullah Ali al-A’dawi, “al-Kharshi A’la Mukhtasar Sayyidi Khalil Wa Bihamishihi Hashiah al-A’dawi”, al-Matba’ah al-Amiriah al-Kubra, 1317, Vol. 7, 91-92.

<sup>28</sup> Muhammad Amin as-Syuhir Ibn A’bidin, “Roddul Mukhtar A’la ad-Dar al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar”, Riyadh, Darul A’lim al-Kutub, Special Edition, 2003, Vol. 6, 537-538.

<sup>29</sup> al-Mabsut. Shamsuddin as-Sarkhasi, “Kitab al-Mabsut”, Lubnan; Beirut, Darul Ma’rifat, Vol. 12, 41

<sup>30</sup> Abi al-Hasan Ali Bin Muhammad Bin Habib al-Mawardi, “al-Hawi al-Kabir Fi Fiqh Mazhab al-Imam as-SyafieWahuwa Syarhun Mukhtasar al-Mazni”, Lubnan; Beirut, Darul Kutub al-Ilmiah, First Edition, 1994, Vol. 7, 521.9

menghasilkan apa-apa manfaat (Abdul Rahman 1347)<sup>31</sup>.

Oleh itu, kesemua Fuqaha Muslim telah bersetuju bahawa Wakaf Ahli dibuat secara sementara iaitu selama 2 generasi iaitu tidak melibi 60 tahun (Abu Zahrah 1971) <sup>32</sup>. Berikutan itu, pengkaji bersetuju dengan pandangan ini yang menhadkan Wakaf Ahli kepada 2 generasi keluarga dan selepas itu disalurkan kepada masyarakat umum sebagai Wakaf Am.

#### 4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan Fuqaha terhadap reka bentuk Wakaf Ahli dan mengkaji secara empirikal praktis semasa Wakaf Ahli di 5 buah MAIN terpilih. Di samping itu, objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan solusi terhadap cabaran yang dihadapi oleh Wakaf Ahli mengikut garis panduan penentuan benefisiari Wakaf Ahli yang dibincangkan oleh para Fuqaha. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah pengumpulan data telah dilakukan secara 2 fasa iaitu dokumen analisis dan temubual. Fasa pertama, pengkaji telah menggunakan kaedah dokumen analisis terhadap kitab Fiqh 4 mazhab iaitu kitab mazhab Shafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali. Seterusnya pada fasa kedua, temubual separa struktur telah dilakukan terhadap 5 buah MAIN terpilih yang melibatkan MAIN Kelantan, Pulau Pinang, Terengganu, Johor dan Perak. Informan yang terlibat adalah pegawai yang menguruskan wakaf di MAIN atau wakil pegawai. Pengkaji telah membuat panggilan telefon dan kiriman email bagi menetapkan tarikh temubual sebelum temubual dilakukan secara bersemuka dan atas talian seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah. Data yang diperolehi daripada analisis dokumen dan temubual pula telah dianalisis menggunakan kaedah tematik analisis dan analisis perbandingan terhadap 5 buah MAIN dengan bantuan perisian Atlas.ti versi 8. Bagi meningkatkan tahap kesahan dapatan, kaedah triangulasi turut dilakukan. Menurut Chua, triangulasi mampu meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian kes (Chua 2006).<sup>33</sup> Manakala, Creswell pula menegaskan bahawa triangulasi dilakukan untuk meningkatkan kesahan penemuan kualitatif, mewujudkan justifikasi tema yang koheren yang datang daripada sumber data atau perspektif yang berbeza (Creswell).<sup>34</sup> Sehubungan itu, terdapat empat jenis triangulasi, seperti yang diketengahkan oleh David Hales, iaitu triangulasi data, triangulasi metod, triangulasi pengkaji, dan triangulasi teori (David Hales).<sup>35</sup> Bagi kajian ini, triangulasi dilakukan bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Oleh itu, triangulasi metod telah digunakan dengan menggunakan kaedah dokumentasi kitab Fiqh, dan temubual wakil MAIN serta pakar akademik.

<sup>31</sup> Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi Abu Muhammad; Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Qadamah al-Muqaddasi Shamsuddin Abu al-Farj, "al-Mughni Wa Yalihi as-Syarh al-Kabir", Matba'ah al-Manar Wa Maktabatiha, 1347M, Vol. 6, 226.

<sup>32</sup> Abu Zahrah, "Muhadarah Fi al-Waqf", Darul Fikr al-A'rabi, 1971, 69.

<sup>33</sup> Chua Yan Piaw, *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill, 2006), 9-10.

<sup>34</sup> John W. Creswell, *Research Design, Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*, 191.

<sup>35</sup> David Hales, *an Introduction to Triangulation*, (N.p: UNAIDS, N.d), 20.

## 5.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

### 5.1 Benefisiari Akhir Wakaf

Terdapat 2 jenis benefisiari akhir wakaf iaitu masyarakat umum dan ahli keluarga seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

MAIN	Benefisiari Akhir Wakaf
Johor	Masyarakat Muslim
Kelantan	
Perak	Ahli keluarga
Pulau Pinang	
Terengganu	

Analisis terhadap benefisiari akhir Wakaf Ahli dalam kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Muslim telah ditetapkan sebagai benefisiari akhir wakaf bagi MAIN Johor dan Kelantan. Manakala, Wakaf Ahli di Perak, Pulau Pinang dan Terengganu telah meletakkan ahli keluarga sebagai benefisiari tunggal wakaf yang layak menerima hasil wakaf selama-lamanya.

Berdasarkan dapatan kajian, Wakaf Ahli di Johor telah memperuntukkan ahli keluarga sebagai benefisiari wakaf hanya selama 2 generasi dan selepas itu disalurkan kepada masyarakat sebagai wakaf umum. Praktis ini dilihat selari dengan pandangan Imam Abu Hanifah, Imam Muhammad dan riwayat kedua daripada mazhab Shafie yang berpegang kepada larangan wakaf bagi golongan yang akan putus kecuali sekiranya hasil wakaf tersebut disalurkan kepada fakir miskin selepas itu (al-Murghinani, al-Hadadi, Ibn A'bidin, Ibn Qudamah, al-Mardawi).<sup>36</sup> Selain daripada itu, pandangan ini juga dilihat mampu memenuhi ciri-ciri kekalan sesuatu wakaf.

Dalam usaha mengharmonikan praktis Wakaf Ahli dengan mazhab Shafie yang menjadi rujukan utama perundangan Malaysia, kajian ini mendapati bahawa pandangan Imam Abu Hanifah, Imam Muhammad, dan riwayat kedua mazhab Shafie sesuai digunakan dalam praktis wakaf Ahli di Malaysia. Memandangkan Maqasid Syariah penciptaan Wakaf Ahli adalah untuk mencapai kelangsungan dan kelestarian hidup sesebuah keluarga, maka benefisiari akhir Wakaf Ahli boleh disalurkan kepada fakir miskin dengan keutamaan diberi kepada golongan ahli keluarga yang miskin. Tambahan daripada itu, Siti Mashitoh menyatakan bahawa kebanyakan enakmen wakaf telah menetapkan ciri-ciri kekekalan bagi sesuatu wakaf. Oleh itu, sekiranya Wakaf Ahli dilaksanakan secara wakaf musytarak dengan kebajikan umum yang lain, wakaf secara automatik menjadi sah menurut undang-undang Malaysia dan selari dengan pandangan Syariah (Siti Mashitoh 2022).<sup>37</sup> Pandangan

<sup>36</sup> Al-Murghinānī, Burhān al-Dīn, Abī al-Ḥasan 'Alī bin Abī Bakr, *al-Hidāyah, Sharḥ Bidāyah al-Mubtadā'*, vol. 4, 433; Abū Bakr bin 'Alī bin Muḥammad al-Hadadī al-'Ibādī al-Zabidī al-Yamānī al-Ḥanāfī, *al-Jawharah al-Nirah*, vol. 1, 335; Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn, *Radd al-Muḥtār 'ala al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Aḥṣār*, vol. 6, 537; Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad 'Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad al-Maqdisī and 'Alaw al-Dīn al-Mardawī, *al-Muqni' wa al-Sharḥ Kabīr wa al-Inṣāf*, vol. 16, 408.

<sup>37</sup> Siti Mashitoh Mahamood (Associate Professor at Department of Shariah and law, University Malaya), in interview with the researcher, 18 June 2021.

ini yang mencadangkan Wakaf Ahli dibuat secara musytarak turut disokong oleh Sri Wahyu Sakina (2021)<sup>38</sup> dan Asiah Mohammad (2018)<sup>39</sup>.

Berikutan daripada itu, kajian ini mencadangkan Wakaf Ahli dilakukan secara musytarak dengan memperuntukkan bahagian utama kepada ahli keluarga dan bahagian kecil untuk masyarakat umum. Selepas beberapa tempoh iaitu selepas kematian kesemua ahli keluarga yang dipilih sebagai benefisiari, Wakaf Ahli perlu disalurkan kepada masyarakat muslim sebagai Wakaf Am. Dengan cara ini, Wakaf Ahli mampu memberi manfaat kepada ahli keluarga sepanjang mereka hidup dan selepas kematian mereka, Wakaf Ahli tidak terhenti tetapi berterusan memberi manfaat kepada masyarakat umum sebagai Wakaf Am.

## 5.2 Limitasi Benefisiari Keluarga

Ketetapan terhadap limitasi generasi keluarga sebagai benefisiari wakaf dilihat tidak seragam antara negeri. Terdapat Wakaf Ahli yang menghadkan benefisiari ahli keluarga kepada beberapa generasi sahaja dan sebahagian Wakaf Ahli yang lain tidak menghadkan benefisiari ahli keluarga seperti yang dirumuskan di jadual berikut.

MAIN	Limitasi Benefisiari Keluarga
Johor	Limit kepada beberapa generasi
Kelantan	Untuk semua keturunan
Perak	
Pulau Pinang	
Terengganu	

Limitasi terhadap benefisiari ahli keluarga dilihat tidak seragam antara negeri-negeri. Hanya Wakaf Ahli di negeri Johor dilakukan secara sementara iaitu menetapkan ahli keluarga sebagai benefisiari wakaf selama 2 generasi sebelum disalurkan kepada masyarakat umum sebagai Wakaf Am. Praktis ini selari dengan pandangan majoriti Sarjana Muslim (Abu Zahrah 1971)<sup>40</sup> dan peruntukan Undang-Undang Wakaf Johor 1983<sup>41</sup> yang meghadkan Wakaf Ahli kepada 2 generasi ataupun 60 tahun selepas kematian pewakaf. Selain daripada itu, kemasalahatan mauquf dan mauquf alaihi dapat dijaga apabila terdapat had yang diletakkan terhadap benefisiari ahli keluarga. Dari aspek mauquf alaihi, kelayakan mereka sebagai benefisiari sementara mampu menggalakkan mereka menyertai sektor pekerjaan seterusnya menyumbang kearah pembangunan ekonomi. Keadaan ini mampu mengelakkan krisis pengangguran daripada berlaku berikutan berharap kelangsungan hidup sepenuhnya kepada hasil wakaf tanpa menyertai sektor

<sup>38</sup> Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Salmy Edawati Yaacob and Mohd Fairuz Md. Salleh, "Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Hartadalam Pembangunan Tamadun Islam", Jpurnal of al-Tamaddun, Vol. 16, No. 1, 2021, 139-152.

<sup>39</sup> Nor Asiah Mohamad, "A Study on the Socio-Economic Roles of Waqf Ahli ( Family Waqf ) in Promoting Family Security and a Sustainable Family Economy", IIUM Law Journal, Vol. 26, No. 1, 2018, 141-160.

<sup>40</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *Muḥāḍarah fī al-Waqf*, 69.

<sup>41</sup> Administration of the Religion of Islam Enactment 1978, Johore Waqf Rules 1983, No 18 (1).

pekerjaan. Dari aspek mauquf, penetapan terhadap limitasi generasi keluarga sebagai benefisiari wakaf mampu mengelakkan berlakunya percambahan ahli keluarga di serata tempat yang seterusnya menyukarkan MAIN mengenalpasti waris yang masih hidup dan menghalang mauquf dimanfaatkan secara optimum.

Berdasarkan hasil temubual, MAIN dan badan-badan lain mencadangkan Wakaf Ahli dilakukan dengan meletakkan had limitasi terhadap benefisiari ahli keluarga selari dengan cadangan Sri Wahyu Sakina (2021) dalam penulisannya.<sup>42</sup> Walaubagaimanapun, pengkaji melihat bahawa spesifikasi terhadap generasi keluarga perlu dilakukan bersama dengan penetapan benefisiari akhir wakaf selepas kematian semua benefisiari ahli keluarga. Keadaan ini penting bagi memastikan wakaf mampu memberi manfaat secara berterusan tanpa putus terhadap ahli keluarga dan masyarakat umum. Oleh itu, pengkaji melihat terdapat keperluan untuk menyatakan had limitasi ahli keluarga sebagai benefisiari wakaf dan benefisiari akhir wakaf dalam suratcara wakaf di awal penciptaan wakaf dilakukan. Sebagai contoh, "selepas kematian 2 generasi ahli keluargaku, wakaf ini akan menjadi wakaf umum". Dengan penentuan benefisiari dan halatujunya selepas kematian semua ahli keluarga, pelaksanaan Wakaf Ahli dan pembahagian hasil wakaf lebih mudah dilakukan. Rajah di bawah menerangkan cadangan terhadap reka bentuk Wakaf Ahli dari aspek penentuan benefisiari wakaf.



<sup>42</sup> Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Salmi Edawati Yaacob and Mohd Fairuz Md. Salleh, "Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Hartadalam Pembangunan Tamadun Islam", 2021,139-152.

### 3. Kesimpulan

Wakaf Ahli merupakan warisan penting untuk dilakukan pada masa kini. Memandangkan wujudnya keperluan untuk membangunkan Wakaf Ahli, kajian ini mendapati terdapat isu dan cabaran yang perlu diselesaikan dahulu sekiranya Wakaf Ahli diwujudkan. Pertama, keperluan untuk menentukan benefisiari sejak di awal penciptaan wakaf yang merangkumi ahli keluarga dan sebahagian kecil untuk kebajikan umum. Keadaan ini penting bagi memudahkan pihak berkuasa yang terlibat untuk menguruskan Wakaf Ahli serta mengenalpasti hala tuju wakaf setelah kematian semua benefisiari ahli keluarga. Yang kedua, tempoh masa benefisiari ahli keluarga perlu dinyatakan dengan jelas di dalam suratcara wakaf. Hal ini selari dengan ciri-ciri ahli keluarga sebagai golongan yang akan putus dan mati pada satu ketika.

Kesimpulannya, Wakaf Ahli perlu dihidupkan semula di Malaysia dengan berikutan manfaatnya yang luas meliputi ahli keluarga dan masyarakat umum. Keadaan hari ini yang penuh ketidakpastian menyumbang kepada keperluan Wakaf Ahli untuk dilakukan bagi memastikan kelangsungan hidup ahli keluarga dalam jangka masa panjang. Bukan itu sahaja, disebabkan ciri-ciri wakaf sebagai satu kebajikan yang tidak boleh dijual, diwarisi dan diberi sebagai hadiah, Wakaf Ahli dilihat mampu menjadi instrumen untuk mengelakkan pemborosan harta oleh anak-anak waqif. Sebagai contoh, saham syarikat sesebuah keluarga mampu diselamatkan daripada dipecah milikan dan diboros dengan menggunakan kaedah wakaf di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya yang diberikan secara berterusan.

### Rujukan

Nor Asiah Mohamad. (2018). A Study on the Socio-Economic Roles of Waqf Ahli ( Family Waqf ) in Promoting Family Security and a Sustainable Family Economy. *IIUM Law Journal* 26, no. 1, hlm. 141–60.

Al-Murghinānī, Burhān al-Dīn, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī Bakr, *al-Hidāyah, Sharḥ Bidāyah al-Mubtadā’*, vol. 4, 433; Abū Bakr bin ‘Alī bin Muḥammad al-Hadadī al-‘Ibādī al-Zabidī al-Yamānī al-Ḥanāfī, *al-Jawharah al-Nirah*, vol. 1, 335; Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn, *Radd al-Muḥtār ‘ala al-Durr al-Mukhtār Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, vol. 6, 537; Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad al-Maqdisī and ‘Alaw al-Dīn al-Mardawī, *al-Muqni’ wa al-Sharḥ Kabīr wa al-Insāf*, vol. 16, 408.

Chua Yan Piaw. (2006) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill, 9-10.

David Hales. (T.t). *an Introduction to Triangulation*, T.t: UNAIDS, 20.

John W. Creswell. (T.t). *Research Design, Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*, 191.

Muḥammad Abū Zahrah. (1971). *Muḥāḍarah fī al-Waqf*. T.t: Darul Fikr al-A’rabi, 69.

Sri Wahyu Sakina Ahmad Sanusi, Salmy Edawati Yaacob and Mohd Fairuz Md. Salleh. (2021). Wakaf Zurri: Instrumen Pengurusan Hartadalam Pembangunan Tamadun Islam. Jurnal Tamaddun Vol. 16 (1), hlm. 139-152.

Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi Abu Muhammad; Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Qadamah al-Muqaddasi Shamsuddin Abu al-Farj, "al-Mughni Wa Yalihi as-Syarh al-Kabir", Matba'ah al-Manar Wa Maktabatiha, 1347M, Vol. 6, 214.

Abi al-Hasan Ali Bin Muhammad Bin Habib al-Mawardi, "al-Hawi al-Kabir Fi Fiqh Mazhab al-Imam as-SyafieWahuwa Syarhun Mukhtasar al-Mazni", Lubnan; Beirut, Darul Kutub al-Ilmiah, First Edition, 1994, Vol. 7, 521.9

Abi Bakr Ahmad Bin Amru as-Syaibani, "Ahkam al-Awqaf", Lubnan; Beirut, Darul Kutub al-Ilmiah, First Edition, 1999, 10-11.

Abi Ishak as-Shairazi, "al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam as-Shafie", Damshik, Darul Qalam, First Edition, 1996, Vol. 3, 677 and Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi Abu Muhammad; Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Ahmad Bin Qadamah al-Muqaddasi Shamsuddin Abu al-Farj, "al-Mughni Wa Yalihi as-Syarh al-Kabir", Matba'ah al-Manar Wa Maktabatiha, 1347M, Vol. 6, 215.

Abi Ishak as-Syairazi, "al-Muhazzab Fi Fiqh al-Imam as-Shafie", Damsyik, Darul Qalam, First Edition, 1996, Vol. 3, 684.

Abi Muhammad Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi, "al-Mughni", Riyadh, Saudi Arabia, Darul A'lim al-Kutub, First Edition, 1986, Vol. 8, 192.

Administration of the Religion of Islam Enactment 1978, Johore Waqf Rules 1983, No 18 (1).

Al-A'lamah Abi al-Barkat Ahmad Bin Muhammad Bin Ahmad Ad-dardir, "As-syarhu As-soghri A'la Aqrab al-Masalik Ila Mazhab al-Imam Malik", Kaherah, Darul al-Ma'arif, 1119, 98.

al-Mabsut.Shamsuddin as-Sarkhasi, "Kitab al-Mabsut", Lubnan; Beirut, Darul Ma'rifat, Vol. 12, 41

Burhanuddin Abi al-Hasan Ali Bin Abi Bakr al-Murghinani, "al-Hidayah, Syarhun Bidayat al-Mubtada", Pakistan, Idarah al-Quran Wal Ulum al-Islamiah, First Edition, 1417M, Vol. 4, 433. Abi Bakr Bin Ali Bin Muhammad al-Hadadi al-I'badi az-Zabidi al-Yamani al-Hanafi, "Jauharah an-Nirah", Matba'ah al-Khairiah, First Edition, 1322H, Vol. 1, 335.

Magda Abdel Mohsin. (2010). Revitalization of Waqf Administration and Family Waqf Law” *US-China Law Review*, 57-64.

Muafiqiddin Abi Muhammd Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qadamah al-Muqaddasi, Shamsuddin Ibn Qadamah al-Muqaddasi and A'lauddin al-Mardawi, “al-Muqnie’ Wa as-Syarhun Kabir Wal Insof”, Darul Hajr, First Edition, 1995, Vol. 16, 408.

Muhammad A’bid al-Kabisi, “Ahkam al-Waqf”, Baghdad; Matba’ah al-Irsyad, 1997, 424.

Muhammad al-Kharshi Abu Abdullah Ali al-A’dawi, “al-Kharshi A’la Mukhtasar Sayyidi Khalil Wa Bihamishihi Hashiah al-A’dawi”, al-Matba’ah al-Amiriah al-Kubra, 1317, Vol. 7, 91-92.

Muhammad Amin as-Syuhir Ibn A’bidin, “Roddul Mukhtar A’la ad-Dar al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar”, Riyadh, Darul A’lim al-Kutub, Special Edition, 2003, Vol. 6, 537.

Muhammad Husnain Makhluaf al-A’dawi, “Manhaj al-Yakin Fi Bayan annal Waqf al-Ahli Minaddin”, Mustofa Libabi al-Habli Wa Auladudhu Bi Misr, 1351H, 15.

Muhammad U’sman Thabir, “as-Syeikh Ali al-Khafif, al-Faqih al-Mujaddid”, Damsyik; Darul Qalam, First Edition, 2002, 85.

Nor Asiah Mohamad. (2018). Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf Di Malaysia: Adakah Komprehensif?, *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia* 30, no. 2, hlm. 362–82.

Shamsuddin as-Sarkhasi, “Kitab al-Mabsut”, Lubnan; Beirut, Darul Ma’rifat, Vol. 12, 41.

Shamsuddin Muhammad Bin al-Khatib as-Syarbani, “Mughni al-Muhtaj Ila Ma’rifat Ma’ani al-Faz al-Manhaj”, Lubnan; Beirut, Darul Ma’rifat, 1<sup>st</sup> Edition, 1997, Vol. 3, 494.

Shihabuddin Ahmad Bin Idris al-Qarafi, “az-Zakhirah”, Beirut, First Edition, 1994, Darul Ghrab al-Islami, Vol. 6, 325.

Siti Mashitoh Mahamood (Associate Professor at Department of Shariah and law, University Malaya), in interview with the researcher, 18 June 2021.

Salman Zainal Abidin & Mazlan Ibrahim. (2018). Ilmu Usul Al-Tafsir: Analisis Terminologi Dan Sejarah Perkembangan. *Jurnal Pengajian Islam* Vol 11. Isu II, hlm. 44-62.